

20 AUG 1996

## MTDC AKAN MAJUKAN 1,250 HEKTAR TANAH DI MSC

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan memajukan tanah seluas 1,250 hektar di Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam masa dua tahun lagi, demikian menurut seorang pegawai kanan perbadanan itu hari ini.

Beliau menganggarkan kos untuk menyediakan prasarana bagi syarikat-syarikat teknologi maklumat terkemuka yang berkemungkinan besar menjalankan operasi di koridor itu seperti Microsoft, NEC dan NTT lebih kurang RM600 juta.

"Kami sedang memuktamadkan syarat-syarat perjanjian dengan rakan kongsi kami yang juga pemilik tanah berkenaan iaitu sebuah syarikat berasaskan harta yang disenaraikan di BSKL milik Kerajaan Negeri Selangor. Kami ingin melihat projek berkenaan bermula secepat mungkin," beliau memberitahu Bernama di sini hari ini.

Kawasan projek itu terletak tujuh kilometer ke Barat Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan yang baru, dan 14 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Harga tanah di kawasan yang akan dijadikan MSC melonjak daripada RM10 satu kaki persegi kepada RM60 sekaki persegi sekarang, kata ketua pegawai eksekutif MTDC, Anuar Md Nor pada Persidangan dan Pameran Multimedia Asia baru-baru ini.

MSC yang seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang meliputi Kuala Lumpur City Centre, Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Bandar Raya IT.

Di bawah projek berharga RM5 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa perkhidmatan dan kemudahan teknologi maklumat termasuk multimedia, rangkaian pentadbiran tanpa menggunakan kertas, pusat "telemedicine" serantau dan kad pintar pelbagai guna kebangsaan yang pertama akan diwujudkan dalam masa tiga setengah tahun.

Kemudahan lain ialah kelompok universiti gabungan dan pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) korporat, pusat sokongan penyelarasan dan kejuruteraan pembuatan, pusat perkhidmatan pelanggan multimedia dan pusat kewangan yang dihubungkan oleh kemudahan multimedia.

Turut dicadangkan ialah penubuhan universiti multimedia dan sekolah teknologi.

Menurut seorang pegawai yang tidak mahu dikenali, MTDC akan memegang kepentingan minoriti (30 peratus) dalam projek berkenaan manakala bakinya dipegang oleh syarikat berkenaan yang tidak beliau namakan.

MTDC, jelas beliau, akan memajukan sebuah taman sains dan dengan kerjasama sebuah syarikat dari Lembah Silikon, ia akan mewujudkan industri sokongan multimedia di MSC.

"Kami juga sedang berbincang dengan beberapa syarikat dan mempelawa mereka supaya menempatkan semula pangkalan operasi mereka di MSC," tambah beliau.

Pegawai berkenaan menjangka kira-kira 100 hingga 200 syarikat akan menjalankan operasi di MSC. Bagaimanapun, tambah beliau, keutamaan akan diberi kepada syarikat tempatan untuk beroperasi di situ.

MSC akan dibahagikan dalam berbagai saiz lot, dari seluas 0.5 hektar hinggalah 1.5 hektar, jelas beliau. -- BERNAMA

JSM DIN/sia